

LOKASI MINDAKAMI

Kandungan

1. Ruang Tempat Letak Kereta & Lif	1
2. Menggunakan Waze / Google Maps	2
3. Menggunakan Perkhidmatan E-Hailing	2
4. Arahan Berjalan Kaki	2
5. Panduan Visual	2
6. Panduan Video	8
7. Ruang Menunggu	8

Selamat Datang ke MINDAKAMI!

MINDAKAMI terletak di Aras 2, Pelangi Sentral Damansara.

Di bawah Adalah maklumat yang anda perlukan untuk sampai ke pejabat kami dengan mudah.

Lokasi Penuh	PS-2-2, Pelangi Sentral Damansara, PJU 6, Persiaran Surian, 47800, Petaling Jaya, Selangor Darul Ehsan
Google Maps/ Waze / E-hailing	Pelangi Sentral Damansara
Maklumat	+6011 5636 1366 (WhatsApp / Telegram)

1. Ruang Tempat Letak Kereta & Lif

Anda boleh memilih untuk meletakkan kenderaan anda di

- Tempat letak kereta berbumbung
- Kawasan pejabat / lot kedai berhampiran di luar Pelangi Sentral Damansara

Untuk tempat letak kereta berbumbung, ianya tersedia di hadapan pejabat kami (Aras 2) atau di Aras 3. Lif turut disediakan di kiri dan kanan blok.

- Kaedah Pembayaran: Pastikan anda mempunyai Touch N' Go untuk pembayaran.
- Kadar Parkir:
 - RM2.00 untuk jam pertama atau sebahagian daripadanya.
 - RM1.00 untuk setiap jam berikutnya.

2. Menggunakan Waze / Google Maps

Cari Pelangi Sentral Damansara di dalam peranti anda.

3. Menggunakan Perkhidmatan E-Hailing

Semasa membuat tempahan e-hailing, sila mencari "Pelangi Sentral Damansara" di dalam e-hailing tersebut. Pemandu akan menurunkan anda di Rumah Pengawal. Sila rujuk **Arah Berjalan Kaki & Panduan Visual** untuk maklumat lanjut.



4. Arahan Berjalan Kaki

Jika anda memilih untuk meletakkan kenderaan anda di luar bangunan, terdapat lif yang terletak di kedua-dua hujung bangunan. Lif terdekat akan berada di belakang Rumah Pengawal (*Guard House*). Kami mengesyorkan:

- Naik lif di belakang Rumah Pengawal ke Aras 2.
- Berjalan ke arah PS-2-2 untuk sampai ke MINDAKAMI (2 minit berjalan kaki dari Lif).

5. Panduan Visual

Gunakan gambar di bawah sebagai panduan anda.

1/11		<p>Dari One Utama, terus kekal di lebuhraya LDP.</p>
2/11		<p>Gunakan dua lorong kiri untuk mengambil susur keluar ke Persiaran Surian (jalan yang sama ke IKEA, Mutiara Damansara dan Kota Damansara.)</p>

3/11



Teruskan perjalanan ke Persiaran Surian, menuju ke Kota Damansara.

4/11



Gunakan dua lorong **kanan**.

Anda akan melihat lampu isyarat Pelangi Sentral Damansara berada di sebelah kanan anda.

5/11		<p>Di lampu isyarat, belok kanan dan terus ke arah Pelangi Sentral Damansara.</p> <p>Pelangi Sentral Damansara kini berada di sebelah kiri anda.</p>
6/11		<p>Anda akan melihat seorang pengawal keselamatan di pintu masuk ke tempat letak kereta berbayar. Masuk ke sini untuk mengakses kawasan tempat letak kereta berbumbung.</p> <p>Sebagai alternatif, anda boleh meletakkan kereta anda di pejabat atau kawasan lot kedai berhampiran. Rujuk Arahan Berjalan Kaki untuk mendapatkan arahan tentang cara untuk ke lif.</p>

7/11



Teruskan sehingga anda melihat tanda "3rd Floor Visitor Parking".

Ambil ramp di sebelah kanan.

8/11



Teruskan memandu sehingga anda di Aras 2 (2F).

9/11		<p>Apabila di Aras 2, keluar ke kanan ketika anda melihat tanda "Keluar"</p>
10/11		<p>Teruskan ke hadapan, dan destinasi anda akan berada di sebelah kiri.</p> <p>MINDAKAMI terletak di sebelah Innohear.</p> <p>Jika tiada ruang kosong untuk meletakkan kenderaan anda di hadapan MINDAKAMI, anda juga boleh ke Aras 3 dan mengambil lif ke Aras 2 untuk ke MINDAKAMI.</p>

11/11		<p>Cari pintu kaca yang mempunyai logo MINDAKAMI.</p> <p>Tahniah! Anda telah tiba di MINDAKAMI!</p>
-------	---	---

6. Panduan Video

Tonton video YouTube untuk mengetahui lokasi kami di dalam bangunan:
<https://www.youtube.com/shorts/tjarHTpoHzQ>

7. Ruang Menunggu

Jika anda akan menunggu ahli keluarga, rakan atau orang tersayang, anda boleh meluangkan masa di lot kedai berdekatan yang berada di luar Pelangi Sentral Damansara atau menunggu di ruangan MINDAKAMI.

Sila ambil perhatian bahawa MINDAKAMI mempunyai polisi tidak memakai kasut di dalam premis.

Jumpa nanti!